

# Kertas Model UPSR Bahasa Melayu (2017)

## PENULISAN


Satu Jam Lima Belas Minit

### Bahagian A

[ 10 markah ]

[ Masa dicadangkan : 15 minit ]

Gambar di bawah menunjukkan suasana Pameran Warisan Budaya di Malaysia.  
Tulis lima ayat yang lengkap tentang gambar tersebut.



## Bahagian B

[ 15 markah ]

[ Masa dicadangkan : 25 minit ]

Gambar di bawah menunjukkan poster Kempen Keceriaan Kawasan Sekolah.

Tulis ulasan tentang kempen tersebut dalam bentuk perenggan.

Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 40 hingga 70 patah perkataan.



## Bahagian C

[ 25 markah ]

[ Masa dicadangkan : 35 minit ]

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab satu soalan sahaja.

Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 70 hingga 100 patah perkataan.

### Soalan 1



**LAWATAN KE KARNIVAL BUKU  
DAERAH LAWAS**

Anjuran : Kelab Perpustakaan  
Tarikh : 10 Oktober 2017  
Masa Bertolak : 8.00 pagi  
Bayaran : RM20.00  
(Tambang bas dan makan tengah hari)  
Bilangan peserta: 35 orang

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :  
**Pn. Liew Siew Nga**  
(Guru Perpustakaan)

Kelab perpustakaan sekolah kamu telah mengadakan lawatan sambil belajar ke karnival buku seperti yang terdapat dalam maklumat di atas. Sebagai setiausaha kelab, kamu diminta untuk menulis laporan tentang lawatan tersebut.

Sediakan laporan tersebut selengkapnya.

**ATAU**

### Soalan 2

Guru selalu menasihati kamu supaya berusaha bersungguh-sungguh untuk menjadi murid yang cemerlang demi masa hadapan.

Tulis sebuah karangan tentang cara-cara menjadi murid yang cemerlang.